

23 JUN 2001

Mahathir-Sayang

ANGGOTA UMNO PERLU TAAT KEPUTUSAN PRESIDEN UTK KEJAYAAN PARTI

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Kekalahan Umno pada PAS dalam pilihan raya umum lepas dan pilihan raya kecil Lunas adalah kerana ada anggota Umno cuma sayang kepada Presiden parti tetapi tidak taat kepadanya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata perwakilan sering menyebut "Presiden yang disayangi" apabila berucap pada perhimpunan agung Umno setiap tahun tetapi tidak taat kepada presiden.

Dr Mahathir berkata sekiranya mereka taat, tidak akan ada calon-calon yang dipilih oleh presiden bagi mewakili parti dalam pilihan raya dianggap "pilihan tidak kena" oleh mereka yang tidak terpilih sebagai calon.

"Mereka yang kata begitu dan mengadu kepada saya akan memastikan calon yang dipilih tidak menang untuk membuktikan dakwaannya betul, dia sabotaj. Inilah masalah parti kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak percaya PAS menang kerana ia parti Islam dan kuat manakala Umno kalah kerana ia lemah dan tidak Islam.

Beliau berkata atas alasan yang sama, sekalipun PAS meletakkan calon "tongkoi kayu", orang yang tidak ada otak dan tidak tahu agamapun boleh menang.

Dr Mahathir menegaskan bahawa sebagai Presiden parti beliau tidak mempunyai kepentingan lain apabila memilih seseorang sebagai calon selain daripada mahu Umno menang dalam pilihan raya.

Beliau bertanya para perwakilan sama ada mereka akan taat kepada keputusan presiden dan mereka beramai-ramai berteriak "taaaat...".

"Betul ke ni?" tanya Dr Mahathir dan mereka menjawab "betuuul...". Beliau lalu meminta mereka bangun berikrar mulai sekarang setiap calon pilihannya tidak akan dipertikaikan lagi dan para perwakilan bangun dan bertepuk tangan.

Ketika diminta menjelaskan lebih lanjut mengapa beliau mahukan para anggota Umno taat kepada presiden parti semasa persidangan media kemudian, Dr Mahathir berkata anggota Umno perlu serius mulai sekarang untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

"Di Malaysia pilihan raya tidak pernah berhenti. Habis pilihan raya dah mula kempen untuk pilihan raya akan datang. Di negara demokrasi lain, habis pilihan raya orang balik tidur.

"Di sini PAS tidak henti-henti masuk kampung maki orang, fitnah orang, salahguna masjid. PAS tidak benarkan kita berehat," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata terdapat sokongan yang lebih padu kepada parti setelah bermesyuarat selama tiga hari.

"Mereka memberikan reaksi yang luarbiasa. Mereka menyokong cadangan-cadangan kita. Saya percaya sokongan itu adalah genuine (tulen)," katanya.

-- BERNAMA

JM ZS LAT